

# UMS adakan bengkel pengenalan asas bahaya ancaman CBRNE

**UB 23.07.2024 P.02**

**KOTA KINABALU:** Jabatan Perubatan Kecemasan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan bengkel khas bahaya ancaman kimia, di sini baru-baru ini.

Bengkel itu dikenali sebagai “Chemical, Biological, Radiological, Nuclear & Explosives (CBRNE) Terrorism Awareness: Medical Emergency Consequence Management Workshop 2024”.

Program yang julung kalinya diadakan itu antara lain bertujuan memberi pengenalan asas kepada pelbagai institusi dan agensi di Sabah mengenai bahaya ancaman CBRNE yang semakin mendapat perhatian di seluruh dunia.

Ia juga bagi memulakan inisiatif kerajaan negeri untuk mengorak langkah bagi mengenal pasti sebarang risiko dan juga ancaman CBRNE yang boleh berlaku di negeri ini.



**SIAGA:** Sebahagian daripada peserta mewakili pelbagai agensi dari seluruh negeri Sabah menyertai bengkel yang julung kalinya diadakan di Kota Kinabalu.

Selain itu, ia sekali gus mewujudkan pelan bencana yang mampan untuk bersedia menangani ancaman tersebut melalui penglibatan kesemua agensi yang menyertai bengkel tersebut.

Majlis perasmianya disempurnakan oleh Ketua Kepekaran Perubatan Kece-

masan dan Trauma Negeri Sabah, Dr. Abd. Adzim E Arim Sasi.

Menurut Abd. Adzim, bengkel CBRNE merupakan salah satu platform utama bagi memberikan ilmu pengetahuan, pendedahan dan juga kemahiran asas kepada petugas kesihatan

dalam melakukan fasa respons dalam situasi bencana CBRNE.

“Sebagai sebahagian dari kesiapsiagaan menanganinya, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) telah membuat perancangan awal melalui pelan kontigensi bagi menghadapi ancaman atau bencana

CBRNE ini.

“Di samping itu, kakitangan yang dilatih boleh menjadi pelopor kepada pusat latihan CBRNE di rantau ini, khususnya untuk petugas KKM bagi meneruskan keberlangsungan latihan kakitangan di negeri Sabah,” katanya.

Beliau turut memaklumkan, pada tahun 2023 sahaja terdapat enam kes CBRNE yang berlaku di Sabah.

“Kes terakhir yang berlaku adalah pada bulan November 2023 di Tawau, iaitu kejadian keracunan gas klorin Kolam Udang Pegagau Aquaculture di Kampung Wakuba yang melibatkan enam mangsa dan seorang daripadanya terkorban.

“Justeru, adalah perlu untuk hospital dan kesihatan awam di Sabah mendalami ilmu CBRNE ini bagi memberi persediaan kepada kakitangan agar lebih bersedia dengan ancaman alaf baru ini,” tambahnya.

Program dengan kerjasama

Jabatan Kecemasan Hospital Queen Elizabeth, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Southeast Asia Regional Centre for Counter Terrorism (SEARCCCT) dan Jabatan Bomba Negeri Sabah itu disertai oleh 250 peserta daripada pelbagai agensi di seluruh negeri.

Selain itu, program tersebut turut disokong oleh Jabatan Kimia Negeri Sabah, Angkatan Tentera Malaysia, Pasukan Unit Pemusnah Bom Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Atomic Energy Licensing Board (AELB).

Hadir sama Timbalan Dekan FPSK, Prof. Madya Dr. Fairrul Kadir; Timbalan Ketua Bomba Negeri Sabah, Farhan Sufyan bin Borhan; Pengarah Bahagian Perancangan dan Latihan Pencegahan Keganasan (SEARCCCT), Superitendan Yong Thian Foh serta Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam), Dr. Maria Suleiman.